

PENDEKATAN HAJI ABDUL MALIK BIN ABDUL KARIM AMRULLAH (HAMKA) DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK MELALUI PENULISAN TAFSIR: ANALISIS TERHADAP TAFSIR AL-AZHAR.

Nurzatil Ismah binti Azizan
Jabatan al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
nurzatil@kuis.edu.my

Nazneen binti Ismail
Jabatan Dakwah dan Usuluddin
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Pentafsiran al-Quran telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW sehingga pada masa kini. Malah penulisan karya tafsir sebagai alternatif kepada kaedah penyampaian makna al-Quran yang dilakukan oleh ulama-ulama tafsir. Penulisan tafsir al-Quran bermula dengan karya Imam al-Tabari pada abad ke 3 Hijrah dan terus berkembang sehingga kini. Pelbagai bentuk penulisan tafsir dilakukan oleh ulama tafsir antaranya menggunakan kaedah Ma'thur, Ra'y, Fiqhi, Ijmali, Tahlili, Muqaran dan Mawdhu'i. Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah atau dikenali dengan nama HAMKA merupakan salah seorang pentafsir al-Quran yang berjaya memberi kefahaman Islam kepada masyarakat dengan keistimewaan tersendiri iaitu mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan sosio budaya masyarakat pada masa tersebut. Ia menjadikan tafsir ini mudah difahami dan penghayatan Islam dapat diaplikasi dengan sempurna khususnya dalam pembentukan akhlak. Kajian ini ingin mengkaji berkenaan pendekatan HAMKA dalam membentuk akhlak masyarakat melalui penulisan karya, tumpuan kajian hanya terhadap Surah al-Infitar, Surah al-Mutaffifin dan Surah al-Humazah dalam Tafsir al-Azhar. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian pensejarahan. Instrumen kajian yang digunakan adalah dokumen (analisis kandungan) serta dianalisis dengan pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati HAMKA membentuk akhlak masyarakat melalui karya tafsir dengan membawa contoh yang relevan dengan situasi masyarakat. Ia memudahkan kefahaman masyarakat berkenaan ayat al-Quran dan seterusnya mengamalkan ayat tersebut. Pendekatan mengaitkan pentafsiran dengan sosio budaya masyarakat didapati antara pendekatan yang baik dilakukan oleh HAMKA dalam menyebarkan fahaman Islam serta wajar diikuti oleh ulama pada masa kini dalam mendekati masyarakat.

Kata Kunci: *Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah (HAMKA), pembentukan akhlak, Tafsir al-Azhar*

Pendahuluan

Sejarah menunjukkan bahawa Ulama Islam bermula pada zaman sahabat RA sehingga kini mentafsirkan al-Quran dengan pelbagai pendekatan. Antaranya memberi kefahaman melalui kuliah agama di masjid dan penulisan karya sama ada diterbitkan melalui majalah mahupun

buku. Antara ulama yang berusaha memberi kefahaman kepada masyarakat berkenaan al-Quran ialah HAMKA. Beliau menulis kitab tafsir Tafsir al-Azhar dan mempunyai pengaruh tersendiri dalam masyarakat pada masa tersebut. Kitab ini mula ditulis pada tahun 1962, malah penulisan tafsir ini turut dilengkapkan penulisan ketika beliau di dalam penjara selama tiga tahun bermula 1964 sehingga 1966 (Usep, 2015). Tafsir Al-Azhar berasal daripada kuliah subuh yang diberikan oleh HAMKA di Masjid Al-Azhar sejak tahun 1959 (Miftah, 2014). HAMKA menyatakan penulisan kitab ini merujuk 45 buah buku. Beliau juga merujuk berpuluh-puluh kitab karangan sarjana-sarjana moden dan karangan-karangan Orientalis Barat (HAMKA, 2017).

Kehebatan HAMKA dalam perjuangan memberi ilmu dan kefahaman agama diperakui oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Beliau pernah menyifatkan HAMKA bukan hanya milik Indonesia, tetapi juga kebanggaan bangsa-bangsa Asia Tenggara khususnya Malaysia, malah HAMKA telah menerima penghormatan dari Malaysia pada 1974 sedangkan ketika itu Indonesia tidak memberi anugerah sedemikian (Kamarul, 2015). HAMKA memperolehi tempat di hati masyarakat Islam apabila mempunyai kehebatan dalam ceramah beliau, kata-kata beliau mengandungi ungkapan, bidalan, hadis, al-Quran serta laungan semangat untuk membentuk jati diri bangsa.

Beliau mempunyai pengalaman dalam penulisan yang pelbagai seperti novel, artikel dan buku (Kamarul, 2015). Antara karya beliau yang hebat ialah Tafsir al-Azhar yang telah berulang kali dicetak dan tersebar dalam kalangan masyarakat. Malah kehebatan HAMKA tidak dapat dinafikan lagi sehingga andaian dilakukan terhadap dirinya bahawa seribu perkataan tidak mampu menggambarkan HAMKA, masih banyak yang perlu dinukilkan berkenaan beliau (Kamarul, 2015). Pengkaji dalam kajian ini menganalisis pendekatan HAMKA dalam membentuk akhlak masyarakat melalui penulisan beliau khususnya Tafsir al-Azhar, ia dilihat mempunyai pengaruh tersendiri dalam membentuk akhlak masyarakat kembali kepada amalan Islam yang sebenar.

Biografi HAMKA

Nama penuh HAMKA ialah Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah bin Abdullah bin Soleh (Miftah, 2014). Beliau dilahirkan di kampung Molek pada 16 Februari 1908 (Usep, 2015). Ayah HAMKA iaitu Karim Amrullah adalah seorang yang membawa gerakan islah di Minangkabau. HAMKA telah mula menulis ketika berusia 17 tahun. Beliau mendirikan rumahtangga pada 5 April 1929 dengan Siti Raham ketika usianya 21 tahun manakala isterinya 15 tahun. (Miftah, 2014). HAMKA meninggal dunia pagi hari jumaat 24 Julai 1981 ketika usianya 73 tahun. Ibunya Safiah adalah seorang wanita kampung manakala ayahnya Haji Rasul atau dikenali sebagai Doktor Syeikh Haji Abdul Karim Amrullah, juga bukan dalam kalangan orang berada. HAMKA keluar berhijrah dari kampung kelahirannya pada tahun 1924 ketika berusia 16 tahun untuk ke Yogyakarta. Di sini beliau menerima pendedahan ilmu dari tokoh-tokoh seperti HOS Cokroaminoto, RM Surjopranoto, Ki Bagus Hasikusomo dan Haji Fakhruddin (Abd Rahman, 2009).

Latar Belakang Pendidikan HAMKA

Riwayat pendidikan HAMKA mempunyai keunikan tersendiri kerana pada awal usia beliau dikenali dengan kenakalan dan kurang minat dalam diri untuk belajar. Sedangkan bapanya seorang alim telah mula menghantar HAMKA untuk mempelajari ilmu agama seawal usia lima tahun. Namun, perhatiannya mula tertarik kepada ilmu dengan kehadiran Engku Zainudin Labai

yang membuka perpustakaan lalu mendorong HAMKA untuk mengunjungi perpustakaan tersebut. Pada usia 12 tahun, HAMKA telah dihantar untuk menuntut ilmu di Parabek. Dalam tempoh itu, beliau tertarik untuk mempelajari ilmu adat sehingga berjaya menguasainya dengan baik (Muhammad Rifa'i 2012).

Setelah itu, pada tahun 1924 HAMKA telah pergi ke Pekalongan dan belajar dengan A.R. Sutan Mansur berkenaan pidato sebelum kembali ke kampung halaman setahun kemudian. Beliau meneruskan usaha bapanya untuk memperkasakan Muhammadiyah di Sumatera. Namun, kelemahannya dalam berbahasa Arab sering menjadi tumpuan kritikan para ilmuan setempat. Kritikan yang diterima membuatkan HAMKA nekad untuk ke Makkah pada tahun 1927 bagi mendalami bahasa Arab tanpa pengetahuan bapanya (Muhammad Rifa'i 2012).

Setelah pulang dari Makkah, HAMKA memulakan langkahnya dalam menyebarkan dakwah dan pendidikan kepada masyarakat setempat melalui penulisan, pidato dan pengurusan sekolah-sekolah (Muhammad Rifa'i 2012).

Pembentukan Akhlak Menurut Perpsektif Al-Quran

Akhlak berkait rapat dengan perlakuan seseorang sama ada secara sedar atau tidak. Di samping itu, perbuatan buruk boleh dihindari atau diperbaiki melalui latihan tertentu yang disebut sebagai Riyadah Al-Nafs oleh Imam al-Ghazali. Malah, memiliki akhlak yang mulia merupakan salah satu daripada tanda atau ciri kebahagiaan bagi diri seorang manusia. Maka, untuk mendidik akhlak seseorang itu perlu diberikan ilmu tentang kebahagiaan, keutamaan, kebaikan dan kesempurnaan (Zulfahmi & Wan Hasmah 2014).

Kepentingan akhlak dalam Islam adalah sebagai asas utama agama di samping ia merupakan natijah daripada iman dan ibadah kepada Allah SWT. Al-Quran menunjukkan hubungan langsung antara akhlak dengan dua elemen tersebut. Antaranya firman Allah SWT:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالحَقِّ وَتَوَّصُوا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Maksudnya:

Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian -Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

(al-‘Asr 103:1-3)

مَنْ عَمِلَ مِنْكُمْ سُوءًا بِجَهْلَةٍ ثُمَّ تَابَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَصْلَحَ فَأَنَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥١﴾

Maksudnya:

Bahawasanya sesiapa di antara kamu yang melakukan kejahatan dengan sebab kejahilannya, kemudian ia bertaubat sesudah itu, dan berusaha memperbaiki (amalannya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

(al-An'am 6: 54)

Sehubungan itu, pembentukan akhlak mempunyai kaitan dengan pendidikan. Tatacara pendidikan akhlak amat diambil berat dalam Islam kerana ia menterjemahkan seluruh hidup

seseorang. Persoalan akhlak tidak hanya melibatkan hubungan sesama manusia tetapi juga padanya terdapat akhlak dengan Allah SWT, akhlak dengan diri sendiri dan akhlak dengan haiwan dan alam sekitar. Model insan berakhlak sendiri merupakan sosok tubuh Rasulullah SAW seperti yang dinyatakan dalam al-Quran:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya:

Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.

(Al-Qalam 68:4)

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٣١﴾

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

(al-Ahzab 33:21)

Pendidikan akhlak merupakan asas pembentukan peribadi beradab, bermotivasi tinggi, mampu menilai antara baik dan buruk, mengetahui hak-hak kemanusiaan dan mencintai kebaikan dan kemuliaan serta menjauhi keburukan. Kesemua amal soleh ini dilakukan dengan kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi setiap tindak tanduk manusia sama ada dalam nyata mahupun tersembunyi (Muhammad 'Atiyyah 1980). Pembentukan akhlak boleh dilakukan melalui beberapa pendekatan iaitu secara langsung, secara tidak langsung dan memanfaatkan kecenderungan dan fitrah anak. Pendekatan secara langsung bermaksud melalui nasihat dan peringatan berhubung perilaku baik dan buruk. Pendekatan tidak langsung dilakukan melalui kaedah penceritaan, puisi dan seumpamanya. Pendidikan melalui kecenderungan anak adalah seperti mendidik akhlak melalui permainan, pergaulan, penglibatan dalam aktiviti masyarakat dan sebagainya (Muhammad 'Atiyyah 1980).

Al-Quran didapati menggunakan pelbagai pendekatan dalam pembentukan akhlak manusia, antaranya (Uthman 1993):

- 1) Memberi harapan dan ancaman, contohnya dalam firman Allah SWT:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٩﴾ وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِءَايَاتِنَا ءُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْجَحِيمِ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Allah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka akan beroleh keampunan dan pahala yang besar. Dan orang-orang yang kafir serta mendustakan ayat-ayat Kami (Al-Quran), merekalah ahli neraka.

(al-Maidah 5:9-10)

- 2) Mengetengahkan kisah-kisah, contohnya dalam firman Allah SWT berhubung kisah Ashab al-Kahfi. Firman Allah SWT:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

Maksudnya:

Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambah mereka dengan hidayah petunjuk.

(al-Kahfi 18:13)

- 3) Pengulangan, contohnya dalam firman Allah SWT:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَذَا الْقُرْآنِ لِلنَّاسِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ وَكَانَ الْإِنْسَانُ أَكْثَرَ شَيْءٍ جَدَلًا ﴿٥٤﴾

Maksudnya:

Dan demi sesungguhnya Kami telah huraikan dengan berbagai-bagai cara di dalam Al-Quran ini untuk umat manusia, dari segala jenis contoh bandingan; dan sememangnya manusia itu, sejenis makhluk yang banyak sekali bantahannya.

(al- Kahfi 18: 54)

- 4) Penglibatan secara efektif, contohnya dalam firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ

وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾

(al-Baqarah 2:277)

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Kesemua pendekatan ini adalah menepati fitrah manusia dan berupaya menanam akhlak baik dalam diri manusia (Azli et al. 2015). Menurut Ahmad Syarif (2011), HAMKA mengetengahkan tiga tema utama dalam pembentukan akhlak melalui al-Quran iaitu makna dan tujuan pendidikan, cara manusia memperoleh akhlak, dan metode penyampaian (penanaman) akhlak.

Pendekatan HAMKA Dalam Pembentukan Akhlak Melalui Penulisan Tafsir

HAMKA dalam penulisan karyanya dilihat menyentuh berkenaan pembentukan akhlak dengan menegur isu-isu semasa dalam masyarakat. Ianya dilihat ketika HAMKA mentafsirkan ayat Firman Allah SWT:

يَوْمَ لَا تَمْلِكُ نَفْسٌ لِنَفْسٍ شَيْئًا وَالْأَمْرُ يَوْمَئِذٍ لِلَّهِ ﴿١٩﴾

Maksudnya:

(Hari itu ialah) hari seseorang tidak dapat memberikan pertolongan sedikitpun kepada orang lain, dan segala urusan pada hari itu tertentu bagi Allah.

(Surah Al-Infitar 82 :19)

Ketika mentafsirkan Surah al-Infitar ayat 19 beliau secara terang menegur bahawa pada hari tersebut tidak ada yang dapat membantu sama ada ibu bapa terhadap anak, suami terhadap isteri, isteri terhadap suami, guru terhadap murid. Malah sangkaan yang salah jika seorang guru tariqat atau tasawuf dapat membantu muridnya pada hari tersebut. Perkara yang dapat melepaskan seseorang daripada ketakutan hanya amal dan perbuatannya sendiri (HAMKA, 2017). Kenyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa HAMKA dalam tafsir ini berusaha membentuk akhlak masyarakat pada masa tersebut dengan menyentuh situasi sosial pada masa tersebut. Masyarakat yang ta'asub kepada ulama tarekat akan melakukan perkara yang menyalahi agama.

HAMKA dalam bukunya Pelajaran Agama Islam menyatakan '*Dari masa ke masa timbullah dalam Dunia Islam penghormatan yang sangat berlebih-lebih kepada kubur orang yang telah mati. Berduyunlah orang 'awam pergi ziarah ke kubur-kubur yang dipandang keramat. Di sana mengadakan apa yang dinamai haul. Apabila ada yang sakit atau mempunyai hajat, lalu bernazarlah dia, apabila citanya tercapai dia akan ziarah ke kubur itu membawa hadiah bahkan ada juga yang ber'itikaf dalam pekarangan kubur itu, sehingga di negeri Mesir terdapat beberapa kubur yang ditentukan setiap tahun orang berkumpul ke sana beramai-ramai, ia seperti pasar malam. Bukan saja di Mesir, bahkan rata-rata di seluruh negeri Islam pergi ke kubur syekh Fulan tujuh kali berturut-turut, niscaya akan samalah pahalanya dengan naik haji satu kali'* (Sulaiman, 2013). Ianya jelas sebagai perkara yang sia-sia, ulama tarekat tidak mempunyai kuasa atau apa-apa pengaruh dalam memberi syafaat kepada manusia. Seharusnya manusia hanya berpegang kepada apa yang telah Allah SWT tetapkan dan hanya mengakui kekuasaan Allah SWT dalam memberi manfaat dan mudarat. Ia adalah aspek akhlak yang ditekankan oleh HAMKA dalam penulisan tafsir beliau.

Antara penekanan dan ketegasan HAMKA untuk membentuk akhlak masyarakat adalah ketika mentafsirkan ayat pertama dalam Surah al-Mutaffifin. Firman Allah SWT:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ

(Surah al-Mutaffifin 83: 1)

Maksudnya: 'celakalah atas orang-orang yang curang itu'.

Allah SWT menyatakan demikian kepada orang yang membuat timbangan secara salah iaitu mengurangkan timbangan. Mereka adalah perosak pasaran dan tidak amanah. Sifat sebahagian peniaga begini telah merosakkan nama semua peniaga lain yang amanah. Kadangkala *wail* ditafsirkan sebagai neraka. Ia kerana orang yang berlaku curang dalam timbangan telah membuat neraka di dunia kerana merosakkan pasaran perniagaan. Ia termasuk juga rasuah yang berlaku secara berleluasa (HAMKA, 2017). Ayat di atas menunjukkan bahawa HAMKA secara berani menegur individu yang melakukan perniagaan namun mengurangkan timbangan. Malah beliau tegas dengan menyebut sifat tersebut adalah neraka dunia yang dicipta oleh manusia yang tidak bertanggungjawab.

HAMKA turut menyentuh isu yang sama ketika mentafsirkan ayat 188 Surah al-Baqarah. Beliau menyatakan bahawa harta rakan adalah seperti harta sendiri, jika seseorang menganiaya harta rakannya sama seperti melakukan kepada dirinya sendiri dan memakan harta benda dengan jalan yang salah ialah yang tidak menurut jalannya yang benar termasuk pelbagai penipuan dan pemalsuan. Menerbitkan buku-buku lucah dan menyebarkan gambar-gambar 99 perempuan telanjang yang membangkitkan nafsu dengan alasan 'cari makan'. Atau seorang peniaga yang

ingin menjual barang niaga, setelah diperlihatkan gambar dan dipersetujui pembeli menerima barang tidak seperti gambar yang dipaparkan. Atau contoh yang lain, beras disimpan lama dalam gudang kerana mengharapkan harganya naik. Walaupun masyarakat atau menyediakan alat penimbang yang salah, lain yang dibeli dengan yang diperjualkan (Miftah, 2014). Pentafsiran ayat tersebut jelas menunjukkan HAMKA membentuk akhlak masyarakat melalui penulisan beliau dan menyentuh isu-isu semasa yang relevan dengan kehidupan mereka.

Proses mendekatkan diri dengan Allah SWT memerlukan hati yang bersih. Ia jelas dalam Firman Allah SWT:

كَلَّا بَلِّ رَانَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾

(Surah al-Mutaffifin 83:14)

Maksudnya:

Sebenarnya! (Ayat-ayat Kami itu tidak ada cacatnya) bahkan mata hati mereka telah diselaputi kekotoran (dosa), dengan sebab (perbuatan kufur dan maksiat) yang mereka kerjakan.

HAMKA ketika mentafsirkan ayat 14 dalam Surah al-Mutaffifin menyatakan bahawa manusia perlu membersihkan hati supaya tidak mempunyai noktah hitam. Jika manusia melakukan dosa akan muncul satu noktah, maka ia harus membersihkan noktah tersebut dengan solat, taubat dan amal kebajikan yang lain. Jika tidak dilakukan akan menyebabkan hati menjadi hitam dan kelam. Ketika itu tidak ada cahaya lagi akan masuk ke dalam hati tersebut (HAMKA, 2017). pemikiran tasawuf HAMKA dapat dilihat daripada pandangannya bahawa tasawuf merupakan aspek kerohanian yang pisitif malah ia adalah perkara yang dapat membersihkan jiwa, mendidik, meninggikan budi dan memerangi syahwat. Ianya amat sesuai dengan keadaan manusia moden yang mempunyai krisis spiritual (Sutoyo, 2015). Kenyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa HAMKA prihatin terhadap pendidikan rohani, dan beliau dengan jelas menyatakan bahawa penting bagi seseorang dalam menjada hati supaya tidak dipenuhi noda hitam. Ia perlu dibersihkan dengan amalan soleh. Ia adalah aspek pendidikan akhlak yang baik kepada masyarakat pada ketika itu dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui amalan yang baik.

HAMKA sering membawa perumpaan dalam mentafsirkan al-Quran dan memberi pendidikan adab kepada pembaca. Contoh ketika mentafsirkan ayat 34 daripada Surah al-Muthaffirin, Firman Allah SWT:

فَالْيَوْمَ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنَ الْكُفَّارِ يَضْحَكُونَ ﴿٣٤﴾

Maksudnya:

Maka pada hari ini, orang-orang yang beriman pula tertawakan orang yang kafir itu.

(Surah al-Mutaffifin 83:34)

HAMKA membawa perumpaan 'orang derhaka itu tertawa lebih dahulu, menangis kemudian, sedang orang beriman bersakit-sakit dahulu, tertawa kemudian. Mereka di waktu itu akan mentertawakan orang-orang derhaka atau tertawa gembira menerima nikmat yang telah

dijanjikan oleh Allah SWT. Perumpaan juga diberi ketika mentafsirkan Surah al-Humazah. Firman Allah SWT:

الَّذِي جَمَعَ مَالًا وَعَدَّدَهُ

Maksudnya: Yang mengumpulkan harta dan berulang-ulang menghitung kekayaannya.

(Surah al-Humazah 104: 2)

HAMKA ketika mentafsirkan Surah al-Humazah memupuk akhlak masyarakat supaya tidak bakhil dalam membelanjakan harta. Ia menyatakan bahawa orang yang menyimpan hartanya sama sekali tidak akan mengeluarkan harta tersebut kecuali untuk membeli kain kafan. Ia adalah sikap yang tidak wajar dalam diri seseorang. Malah manusia yang mempunyai sikap begini sama sekali tidak keberatan mengorbankan agama dan tanah air asalkan ia memperolehi wang yang diinginkan (HAMKA, 2017). Ia kiasan yang dapat membentuk akhlak masyarakat, kata-kata dan ungkapan HAMKA dalam penulisannya amat dekat dengan masyarakat pada ketika itu.

Manakala ketika mentafsirkan Surah al-Humazah yang menjelaskan berkenaan pengumpat dan pengeji, serta berlebihan dalam mengumpulkan harta. HAMKA menyatakan bahawa sifat materialistik ini akan menjadikan hati membatu, tidak ada perasaan lagi. Jika disalai, dibakar atau disula dengan api laksana mengelabu, tidak juga menjadi baik (HAMKA, 2017).

Beliau juga membentuk akhlak masyarakat dengan memberikan penjelasan yang baik berkenaan definisi sesuatu istilah ketika mentafsirkan ayat al-Quran. Malah mengaitkan definisi tersebut dengan realiti dalam masyarakat. Firman Allah SWT:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ

Maksudnya: Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji.

(Surah al-Humazah 104: 1)

Ketika menjelaskan ayat pertama Surah al-Humazah yang bermaksud ‘kecelakaan besar bagi tiap-tiap pengumpat’. HAMKA ketika menjelaskan ayat ini menyatakan bahawa pengumpat ialah orang yang suka memburukkan orang lain dan merasa bahawa dia sahaja yang benar. Kerap kali keburukan orang dibicarakan di belakang orang tersebut, padahal jika berhadapan dia bermulut manis. Pekerjaan orang lain walaupun baik masih ada kecacatan baginya (HAMKA, 2017). Ia satu teguran yang baik kepada masyarakat supaya tidak mengumpat dan mencela orang lain.

Pentafsiran ayat kedua dalam Surah al-Humazah membawakan teguran HAMKA kepada orang yang suka mengumpulkan harta yang banyak untuk diri sendiri.

Firman Allah SWT:

الَّذِي جَمَعَ مَالًا وَعَدَّدَهُ

Maksudnya: Yang mengumpulkan harta dan berulang-ulang menghitung kekayaannya.

(Surah al-Humazah 104: 2)

Jika ada yang datang ia akan menyimpan hartanya dengan menghina orang lain. Orang begini benci kepada kebaikan dan orang yang berbuat baik. Malah benci juga kepada pembangunan untuk kemaslahatan. Manusia yang mempunyai sifat begini Neraka Hutamah tempatnya (HAMKA, 2017).

Daripada ayat al-Quran yang dinyatakan tersebut, jelas menunjukkan Tafsir al-Azhar mempunyai keistimewaan tersendiri apabila mentafsirkan al-Quran dengan fokus kepada pembentukan akhlak masyarakat. Ia menjadikan tafsir ini sebagai tafsir yang dekat dengan masyarakat dan sering digunakan sebagai rujukan dalam memahami al-Quran. Manusia yang mempunyai akhlak dan adab yang mulia akan membangun sebagai manusia yang mampu mempengaruhi orang lain untuk sama-sama membentuk akhlak yang baik. Kesannya akan lahir masyarakat Islam yang hebat dan diperakui sebagai masyarakat yang berakhlak.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, HAMKA merupakan tokoh Nusantara yang hidup di tengah masyarakat sehingga mampu memahami dengan baik isu di dalamnya serta berusaha untuk menyumbang kepada pembaikan mereka. Pelbagai kaedah digunakan beliau termasuk penubuhan sekolah dan penghasilan karya seperti Tafsir al-Azhar. Karya ini mempunyai perbincangan yang mencakupi pelbagai aspek yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Pentafsirannya tentang pembentukan akhlak masih relevan dengan masyarakat Nusantara kerana contoh dan huraian yang dibawa adalah dalam lingkungan kebudayaan dan adat resam tempatan. Pembentukan akhlak perlu diperkasakan saban hari kerana masyarakat berhadapan dengan suasana dan perubahan yang semakin mencabar. Maka, dalam menentukan langkah pemerkasaan ini karya ulama terdahulu wajar dijadikan panduan di samping mempelbagaikan pendekatan sesuai dengan generasi hari ini.

Rujukan

- Usep Taufik Hidayat. 2015. Tafsir Al-azhar : Menyelami Kedalaman Tasawuf Hamka. Jurnal *Al-Turās*: Vol. XXI, No. 1.
- Kamarul. 2015. Saranan HAMKA Terhadap Perpaduan Bangsa Serumpun Malaysia- Indonesia. International Jurnal And Malay World And Civilisation. (Iman) 3 (1).
- Sulaiman al-Kumayi. 2013. Gerakan Pembaruan Tasawuf di Indonesia. Teologia 24 (2).
- Miftah, Ali. 2014. Penafsiran ayat-ayat korupsi menurut Tafsir Ibnu Katsir dan Hamka (studi komparasi). Latihan Ilmiah. UIN Walisongo.
- Sutoyo. 2015. Tasawuf Hamka Dan Rekonstruksi Spiritualitas Manusia Modern. Islamica :Jurnal Studi Keislaman bil 10 (1).
- HAMKA. 2017. Tafsir al-Azhar. Selangor: Publishing House Sdn Bhd.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. 2009. Nilai Mencapai Kehidupan Sejahtera: Pandangan Hamka. Jurnal MALIM bil 10.
- Ahmad Syarif H, NIM. 2011. Konsep Pendidikan Nilai Buya Hamka (Studi Terhadap Tafsir Al-Azhar). Tesis Sarjana, UIN Sunan Kalijaga.
- Uthman Najati. 1993. Al-Qur'an wa 'ilm al-Nafs. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Muhammad 'Atiyyah. 1980. Al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Falasifatuha. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.

- Muhammad Rifa'i Subhi. 2012. *Studi Analisis Pemikiran Hamka tentang Tasawuf Modern dan Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana Muda, IAIN Walisongo.
- Azli Fairuz Laki, Mohd Shafiee Hamzah dan Wan Hishamudin Wan Jusoh. 2015. *Pembentukan Akhlak Mahmudah Sebagai Mekanisme Pembangunan Insan: Analisis Tafsir Fi Zilal al-Quran*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10: 36-48.